



**7 JUN 2012**

**Pengumuman Media**

**Nilai dan Budi Menjadi Tema Bulan Bahasa 2012**

Tahun ini merupakan tahun yang ke-25 sambutan Bulan Bahasa diadakan. Bertemakan *Kukuhnya Nilai, Eloklah Budi*, Bulan Bahasa 2012 mengetengahkan pentingnya seseorang itu mengamalkan budi pekerti dan berhemah tinggi ketika berbahasa, sesuai dengan ciri-ciri masyarakat Melayu di Singapura.

Pengerusi Bulan Bahasa, Encik Zaqy Mohamad telah mengatakan “Bahasa Melayu sentiasa punya tempat istimewa dalam masyarakat kita. Ianya idenditi kita. Malah lebih daripada itu ia mencerminkan warisan kita, budaya kita dan juga nilai-nilai kita. Nilai dan Budi menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu dikaitkan sebahagian nilai seperti budi bahasa dan hormat menghormati. Kempen tahun ini mahu menjadikan Bulan Bahasa lebih dapat diikuti oleh khalayak yang lebih pelbagai, dan program-programnya memenuhi khalayak arus utama pelbagai generasi. Ini suatu ikhtiar menambah nilai yang berharga kepada usaha penggiat bahasa, pelajar dan juga guru bahasa Melayu.”

Bulan Bahasa akan dilancarkan pada Ahad, 1 Julai 2012 di *The Plaza*, bangunan Perpustakaan Negara. Menteri Perhubungan, Penerangan dan Kesenian (MICA), Dr Ya'acob Ibrahim ialah Tetamu Terhormat bagi majlis ini. Beberapa syarikat percetakan dan penerbitan telah diundang untuk meyemarakkan lagi majlis pelancaran tersebut dengan mengadakan pameran buku-buku dan bahan-bahan lain dalam bahasa Melayu.

Beberapa aktiviti kebahasaan telah dirancang sepanjang Bulan Bahasa nanti.

## **Aktiviti Anjuran Masyarakat untuk Masyarakat**

Bulan Bahasa bertujuan untuk menyatukan dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan bercorak kebahasaan di Singapura sehingga menjadi satu kegiatan masyarakat dan nasional yang penting. Hal ini dirangsang oleh perasaan cinta akan bahasa dan budaya Melayu.

Tahun ini beberapa MAEC, pertubuhan dan sekolah telah merancang aktiviti-aktiviti kebahasaan untuk menyambut Bulan Bahasa. Jawatankuasa Penganjur Bulan Bahasa telah mengundang beberapa pertubuhan untuk merancakkan Aktiviti Sepadu yang akan diadakan pada 1hb Julai di Perpustakaan Negara, 7hb Julai di Perpustakaan Esplanade dan 14hb Julai di Perpustakaan Daerah Jurong.

Aktiviti Bulan Bahasa tahun ini dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Setiap tahun, Sri Warisan telah mengambil bahagian secara aktif dalam Bulan Bahasa dengan menganjurkan aktiviti seperti Sembang Seni. Tahun ini, Puan Marina Yusoff, Pengarah Kreatif Sri Warisan mengatakan bahawa “Program ‘Bual dan Tunjuk’, yang akan diadakan di Perpustakaan Daerah Jurong pada 14hb Julai 2012 akan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang spontan melalui aktiviti-aktiviti sewaktu program tersebut.”

## **Duta Bahasa**

Tahun ini, 3 orang Duta Bahasa yang baharu dilantik dari pelbagai lapisan masyarakat; Encik Daud Yusof, Encik Imran Ajmain dan Cik Munirah Jaafar. Individu-individu yang terkenal ini dipilih kerana usaha mereka secara aktif menggunakan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan kreatif.

Encik Daud Yusof menjelaskan motivasinya untuk menjadi seorang Duta Bahasa, ‘Ini suatu sumbangan yang sederhana daripada saya dengan menyahut tawaran menjadi seorang Duta Bahasa Melayu. Melayu ialah bahasa saya, bahasa kita. Kita perlu mengekalkan bahasa kita daripada hilang pengaruhnya, khususnya dalam kalangan generasi Melayu akan datang di Singapura. Melayu juga bahasa budaya kita. Tanpanya, dan tanpa keupayaan menyampaikannya dengan berkesan, kita mungkin hilang kemampuan untuk bersuara sebagai orang Melayu.’.

Duta Bahasa ini akan memainkan peranan yang aktif untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang baik.

14 orang Duta Bahasa yang telah dilantik sejak tahun 2010 membantu secara aktif dengan menyumbang kepada idea-idea kreatif untuk menyemarakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu.